

# STRATEGI KOMUNIKASI PENCAPAIAN DAN PENGELAKAN DALAM PROSES PEMBENTANGAN PELAJAR CINA<sup>1</sup>

Noriah binti Mohamed  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Pulau Pinang, MALAYSIA  
noriahm@usm.my

Jamilah Bebe binti Mohamad  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan  
26300 Universiti Malaysia Pahang, MALAYSIA  
ella\_jamilahbebe@yahoo.com

Noor Hafida binti Mohamed  
Kolej Tuanku Abdul Rahman  
Pulau Pinang, MALAYSIA  
fieda\_hai@yahoo.com.my

**Abstrak:** Makalah ini membincangkan penggunaan bahasa Melayu standard (BMS) dalam kalangan pelajar Cina sewaktu pembentangan kerja kursus ketika mengikuti kursus Bahasa Kebangsaan A. Pelajar didapati menggunakan pelbagai strategi dalam memastikan proses pembentangan mereka lancar dan dapat diteruskan. Selaras dengan strategi komunikasi yang diperkenalkan oleh Tarone (1983), pelajar didapati mengaplikasikan strategi ini secara tidak langsung dalam penggunaan bahasa Melayu. Secara umum, strategi komunikasi bermaksud proses kognitif yang dirancang oleh penutur bahasa bagi mengatasi masalah yang dihadapi ketika berhadapan dengan masalah komunikasi (Faerch & Kasper, 1983: 211). Dalam kertas kerja ini, strategi komunikasi yang menjadi fokus perbincangan ialah strategi pencapaian yang terdiri daripada strategi penggunaan bahasa pertama, strategi penggunaan bahasa kedua dan strategi rayuan serta strategi pengelakan, iaitu pengelakan topik dan peninggalan mesej. Informan untuk kajian ini terdiri daripada dua puluh orang pelajar Cina yang berusia antara 18 hingga 20 tahun yang menuntut di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, Pulau Pinang. Data kajian ini ialah rakaman yang dilakukan ketika proses pembentangan dan ditranskripsikan ke dalam tulisan bahasa Melayu. Analisis dan perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini hanya memaparkan contoh data yang terpilih setelah ditranskripsikan daripada rakaman asal. Perbincangan menunjukkan sememangnya terdapat penggunaan strategi komunikasi seperti yang disarankan oleh Tarone (1983) yang diaplikasikan oleh pelajar sewaktu proses pembentangan kerja kursus. Namun demikian, sesuai dengan kebolehan, keupayaan dan tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar ini, maka strategi komunikasi yang digunakan menunjukkan bentuk dan kaedah yang pelbagai.

**Kata kunci:** penggunaan bahasa Melayu, pelajar Cina, strategi komunikasi,

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan dalam *International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL 2017)* di Kuching Sarawak, MALAYSIA pada 3-4 April 2017.